

Angkasa sediakan pinjaman untuk pelajar

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) membantu golongan ibu bapa terdiri daripada ahli koperasi dalam membiayai pendidikan di universiti menerusi kaedah tawaran pinjaman dari RM5,000 hingga RM24,000.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, tidak semua keluarga di Malaysia mempunyai kemampuan untuk membiayai kos anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi tanpa sebarang pinjaman, apatah lagi kos pendidikan di universiti semakin mahal ketika ini.

"Melihat kepada masalah ini, Angkasa mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Angkasa bertujuan membantu terutama sekali anak-anak ahli koperasi melanjutkan pelajaran," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, walau-



pun amaun disediakan tidak besar tetapi inisiatif tersebut merupakan usaha untuk membantu dan memenuhi prinsip Angkasa iaitu

memperkasakan taraf pendidikan serta pembangunan modal insan warga koperasi.

Abdul Fattah berkata, Yayasan Angkasa dimulakan sejak 2010 dan telah mengeluarkan dana melebihi RM8 juta yang memberi manfaat kepada 1,000 pelajar secara keseluruhannya.

Katanya, secara puratanya pelajar yang layak akan diberikan sebanyak RM18,000 setiap seorang dan pelajar daripada golongan berpendapatan rendah (B40) akan menerima duit poket sebanyak RM500 hingga RM800 setiap semester.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa telah meneliti beberapa cadangan lain untuk membantu anak-anak dan ahli



ABDUL FATTAH

koperasi untuk membiayai kos pelajaran mereka.

Salah satu cadangannya adalah supaya setiap koperasi yang ada di Malaysia menubuhkan tabung pendidikan di peringkat koperasi sendiri.

"Di sini ada dua bentuk, yang pertama, keuntungan koperasi dipotong untuk dimasukkan ke dalam tabung pendidikan. Kedua, koperasi boleh mencari inisiatif sendiri dengan menubuhkan tabung di mana ahli-ahli boleh mencarum tiap-tiap bulan dan apabila mereka perlu, wang itu boleh diambil," katanya.